

TALKING POINT

BRIG JEN DATUK PROF DR. KAMARUDIN HUSSIN

NAIB CANSELOR UniMAP

MAJLIS PERASMIAN HARI BERSAMA PELANGGAN JABATAN

BENDAHARI UniMAP &

KURSUS PENDIDIKAN KEWANGAN BANK NEGARA MALAYSIA

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Ilmu, Keikhlasan dan Kecemerlangan UniMAP,

Yang Berbahagia, En. Daud Dahar; Ketua, Pejabat Wilayah Bank Negara Malaysia, Pulau Pinang merangkap Timbalan Pengarah Bank Negara Malaysia.

Yang Berbahagia, Dato' Prof Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UniMAP,

Yang Berbahagia, Prof Dr. Abdul Hamid Adom, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP,

Yang Berbahagia, Prof Madya Dr Mohd Fo'ad Sakdan, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UniMAP,

Yang Berusaha, Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP merangkap Pengerusi Program

Pegawai-pegawai Utama Universiti,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan UniMAP,

Wakil-wakil Bank dan Jemputan,

Peserta-peserta Kursus Pendidikan Kewangan Bank Negara Malaysia

Dan seterusnya hadirin-hadirat yang dihormati

Kata Alu-aluan

1. Alhamdulillah, syukur saya panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinnya maka dapat kita sama-sama berkumpul pada pagi yang berbahagia ini untuk **Majlis Perasmian Hari Bersama Pelanggan Jabatan Bendahari UniMAP & Kursus Pendidikan Kewangan Bank Negara Malaysia.**
 2. Terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan Ahlan Wasahlan – Selamat datang untuk delegasi Bank Negara Malaysia ke UniMAP. Semoga kursus yang diadakan ini dapat memberi manfaat kepada semua peserta dalam memahami dan mendalami pengurusan kewangan peribadi, jenayah kewangan, pendidikan matawang serta peranan yang dimainkan oleh Bank Negara Malaysia dalam membantu kita semua memahami aspek kewangan diri, khasnya dan negara amnya.
- Saya difahamkan Kursus Pendidikan Kewangan ini dianjurkan sempena Hari Bersama Pelanggan Jabatan Bendahari UniMAP yang pertama kali diadakan selama dua hari bermula hari ini. Alhamdulillah dari segi penyertaan juga amat memberangsangkan. Peserta yang hadir pada hari ini adalah dari lebih 15 agensi kerajaan/jabatan/ipt/badan berkanun di sekitar negeri Perlis

(iaitu seramai hampir 100 orang). Para peserta dari UniMAP adalah seramai 200 orang.

Hadirin sekalian,

- Sebagai Naib Canselor saya mengalu-alukan usaha Jabatan Bendahari ini dalam mendekatkan diri dengan semua pelanggannya sama ada staf UniMAP sendiri, pelajar, pembekal, pihak ketiga seperti bank, KWSP, Socso, Angkasa dan agensi-agensi kerajaan dan swasta yang lain.
- Saya dimaklumkan bahawa terdapat tiga program yang diatur sempena Hari Bersama Pelanggan ini, antaranya:
 1. Kursus Pendidikan Kewangan Bank Negara Malaysia.
 2. Kaunter Khidmat Pelanggan Perkarangan Jabatan Bendahari dimana turut disertai oleh pihak ANGKASA.
 3. Taklimat Pinjaman Perumahan yang akan disampaikan oleh Bahagian Pinjaman Perumahan, Kementerian Kewangan Malaysia.
- Selain itu semasa saya sampai sebentar tadi, kelihatan Bas Bergerak (MobileLINK) Bank Negara Malaysia (BNM) di perkarangan Dewan Capitol. Selepas ini peserta bolehlah membuat semakan Laporan CCRIS (*Central Credit Reference Information System*) atau Laporan kredit/hutang individu serta khidmat nasihat kewangan di sana.

Hadirin dan hadirat sekalian,

- Saya percaya program selama dua hari ini akan memberikan manfaat kepada seluruh peserta yang hadir. Gunakanlah peluang ini untuk menambahkan kefahaman anda terhadap aspek pengurusan kewangan.
- Saya selaku Naib Canselor UniMAP amat berharap agar inisiatif yang diambil oleh Jabatan Bendahari ini dapat dimanfaatkan oleh semua pelanggan termasuk staf sendiri, pelajar UniMAP mahupun pihak ketiga atau pihak luar yang lain.
- Semoga keakraban yang terjalin sepanjang program sempena Hari Bersama Pelanggan Jabatan Bendahari UniMAP ini dapat menjadi medan perbincangan dan perkongsian ilmu serta idea dalam usaha untuk menambahbaik prestasi dan imej Jabatan Bendahari, khasnya dan UniMAP, amnya.
- Dengan lafaz bismillahrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan **Hari Bersama Pelanggan Jabatan Bendahari UniMAP & Kursus Pendidikan Kewangan Bank Negara Malaysia.**
- Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh